



Teng Boo pada sidang akhbar di Kuala Lumpur, hari ini -NSTP/MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

## Ringgit boleh cecah RM3.80 sedolar jika AS alami kelemesetan - Pakar ekonomi

Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@mediaprima.com.my

KUALA LUMPUR: Ringgit boleh mencecah paras RM3.80 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) jika AS mengalami kemelesetan menyebabkan negara maju itu terpaksa menurunkan kadar faedah dengan banyak, kata pakar ekonomi.

Pengarah Urusan Capital Dynamics Sdn Bhd, Tan Teng Boo, berkata mata wang tempatan itu juga boleh mencecah paras sedemikian seandainya ekonomi China tidak terkesan dan berkembang seperti biasa.

Beliau bagaimanapun menjangkakan ringgit untuk mengukuh di antara RM4.40 hingga RM4.50 berbanding dolar AS menjelang akhir tahun ini.

Katanya, ini berikutan AS dijangka akan memotong kadar faedahnya sebelum akhir tahun ini manakala Bank Negara Malaysia (BNM) akan mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang akan menjadikan perbezaan kadar di antara kedua-duanya semakin mengecil, sekaligus menyokong kenaikan ringgit untuk jangka panjang.

"Ringgit ketika ini sudah mengukuh tinggi daripada RM4.80 kepada RM4.50 ketika ini. Ini bagus kerana jika ia mengukuh terlalu laju, perniagaan Malaysia terutamanya yang mengeksport akan terjejas teruk.

"Maka, pendekatan terbaik ialah supaya mata wang tempatan mengukuh secara beransur-ansur agar pengguna dan perniagaan dapat menyesuaikan diri dengan perubahan ini," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Teng Boo berkata Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk berdepan dengan potensi kemelesetan ekonomi oleh AS kerana mempunyai hubungan ekonomi yang rapat dengan China.

Beliau berkata, terdapat beberapa indikator jelas yang menunjukkan AS sedang menuju ke arah kemelesetan, situasi yang mengakibatkan kejatuhan besar di pasaran saham utama Asia pada awal minggu ini.

"Antara indikator kurang popular, namun telah terbukti dan boleh dipercayai ialah Sahm Rule, yang menyatakan bahawa kemelesetan AS berlaku apabila purata pergerakan tiga bulan kadar pengangguran AS ialah 0.5 mata peratusan atau lebih di atas titik terendah dalam tempoh 12 bulan lalu.

"Nilai ambang ini telah dilepasi pada 2 Ogos lalu apabila kadar pengangguran AS merekodkan 4.3 peratus, dengan bacaan Sahm Rule mencecah 0.53 mata pada bulan Julai 2024.

"Hampir semua indikator memberitahu bahawa AS kini berdepan kemelesetan ekonomi," katanya

Teng Boo yang juga Profesor Adjung di Universiti Teknologi Sydney berkata, hubungan rapat di antara Malaysia dengan China mampu memberi kelebihan kepada negara sekiranya AS mengalami kemelesetan.

Katanya, langkah Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memohon untuk menyertai BRICS, iaitu pakatan membabitkan Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan adalah langkah bijak ke arah dasar luar yang lebih seimbang.

"Melihat kepada struktur eksport Malaysia, 70 peratus daripadanya melibatkan pasaran Asia, hanya 14 peratus ke pasaran Amerika dan 9.4 peratus ke Eropah.

"Perlu diingat China juga sangat bergantung kepada eksport dan sekiranya pasaran global mengalami kemelesetan, ia perlu meingkatkan perbelanjaan pada peringkat domestik, yang memberi kita peluang untuk mengeksport lebih banyak ke sana.

"Selain itu, syarikat China juga menyukai Malaysia kerana terdapat persamaan dari segi budaya dan hubungan politik yang rapat, malah dengan membuka perniagaan di sini, mereka boleh turut mengeksport ke AS, mengambil kira hubungan antara AS dan China yang kompleks," katanya.

Dalam pada itu, Teng Boo akan berkongsi mengenai cadangan saham dan pandangannya mengenai China semasa ceramah pelaburannya bertajuk 'Ke Mana Arah Tuju China' pada 7 September ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).